



MOHD Firdaus Maidin bersama Bambu.

UPM sahkan bambu kerbau albino

Marang: Teka-teki berhubung status seekor haiwan yang disangka kacukan kerbau dan lembu baka Charolais di Kampung Tebakang, Bukit Payong, di sini terjawab apabila Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu mengesahkan haiwan itu ialah kerbau albino.

Pengarah JPV Terengganu Dr Mohd Termizi Ghazali berkata, pihaknya menerima laporan tidak rasmi berhubung keputusan ujian darah dibuat ke atas seekor haiwan digelar bambu yang disangka kacukan kerbau

dan lembu itu.

“Mengikut ujian darah dijalankan, haiwan ini disahkan hanya mempunyai DNA kerbau dan tiada gen lembu seperti didakwa pemiliknya.

“JPV memang menjangka keputusan ujian darah yang dijalankan lebih dua bulan di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu.

“Mengikut teori sains biologi, gabungan kerbau dan lembu mustahil berlaku kerana dua haiwan ini mempunyai kromosom berbeza,” katanya.

Menurutnya, berdasarkan

kepada fitrah dan sains, kacukan lembu serta kerbau tidak akan menghasilkan anak walaupun secara semula jadinya boleh berlaku persenyawaan di antara kedua-dua haiwan itu.

“Apabila memperoleh keputusan terhadap ujian darah ini, ia membuktikan kes seperti didakwa ini memang tidak berlaku.

“Berkemungkinan ibu kepada bambu ini sudah mengandung ketika dikurung bersama lembu jantan charolais ini tetapi tidak sedari penternaknya,” katanya.